

17 APR 2001

Mahathir-KWSP

FLEKSIBILITI WANG CARUMAN KWSP AMBIL KIRA RUNGUTAN AHLI

KUALA LUMPUR, 17 April (Bernama) -- Kerajaan memberi pilihan kepada pekerja sama ada mahu mengurangkan kadar caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) daripada 11 peratus kepada 9 peratus atau mengekalkan kadar caruman asal setelah mengambil kira rungutan pekerja, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Kalau pekerja rasa mereka patut bayar 11 peratus bayarlah 11 peratus... lebih dari itu pun tak apa...kerajaan tentukan (minimum) 9 peratus tetapi kalau dia nak bayar 11 peratus atau 12 peratus tak apa...kita kutip ini untuk masa depan dia," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) di Gombak.

Beliau berkata, pekerja mempunyai pilihan untuk menentukan peratus caruman mereka seperti yang diperuntukkan oleh Akta KWSP.

"Saya ingat kalau naik 15 peratus dia (pekerja) akan menjerit...suruh turun balik," katanya kepada satu cadangan jika pencarum boleh membayar 15 peratus daripada gaji bulanan.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata beliau fikir tidak ramai pekerja akan mencarum 11 peratus kerana mereka hendak menggunakan wang itu untuk perbelanjaan sendiri.

Beliau berkata kelonggaran yang diberikan ini hanya untuk sementara sahaja sehingga ekonomi negara pulih.

Cadangan kerajaan untuk mengurangkan kadar caruman KWSP pekerja daripada 11 peratus kepada 9 peratus untuk sementara waktu diumumkan oleh Dr Mahathir di Dewan Rakyat pada 27 Mac lepas.

Hari ini, kerajaan memutuskan untuk memberi pilihan kepada para pekerja sama ada hendak mengurangkan kadar caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) daripada 11 peratus kepada 9 peratus atau mengekalkan kadar caruman asal mereka.

Keputusan itu, yang diumumkan Pejabat Perdana Menteri dalam satu kenyataan hari ini, adalah selaras dengan peruntukan Akta KWSP.

Pengumuman Dr Mahathir lebih tiga minggu lepas telah ditentang hebat oleh Kongres Kesatuan Pekerja Malaysia (MTUC) yang bercadang mengadakan piket pada 12 Mei ini di hadapan pejabat-pejabat KWSP di seluruh negara.

-- BERNAMA

SR AHH PR